

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Tiga kaedah salur subsidi bersasar dihantar ke Kabinet

Tiga kaedah salur subsidi bersasar dihantar ke Kabinet

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tiga kaedah penyaluran semula subsidi petrol dan diesel secara bersasar yang dicadang untuk dilaksanakan akan dikemukakan ke Kabinet pada bulan ini.

Menyatakan di Dewan Rakyat semalam, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kaedah yang berdasarkan kelayakan pendapatan belanja bersih secara individu dicadang disalur melalui pendekatan perlindungan sosial, pendekatan hibrid iaitu gabungan perlindungan sosial serta bantuan sosial atau melalui kad subsidi.

"Bagaimanapun, pelaksanaan penyaluran semula subsidi itu hanya boleh dilaksana selepas tempoh pengesahan dan verifikasi maklumat isi rumah dan pendapatan selesai," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan **Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka)** berhubung program libat urus yang akan dilaksana oleh



RAFIIZI RAMLI pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.
-JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

kerajaan dengan semua pemegang taruh sebelum rancangan subsidi bersasar dilaksana pada 2024, jenis subsidi bersasar yang bakal dilaksana dan manfaat yang boleh dinikmati oleh ekonomi negara.

Rafizi berkata, sejak 2015 sehingga 2023, jumlah subsidi dan bantuan sosial yang ditang-

gung kerajaan adalah sebanyak RM294.5 bilion atau 10.9 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan bagi tempoh yang sama.

Katanya, Belanjawan 2024 memperuntukkan RM58.1 bilion untuk membiayai pelbagai bentuk subsidi dan bantuan kepada rakyat.

"Kerajaan mengenal pasti penyaluran semula subsidi sebagai inisiatif utama bagi memastikan keberkesanan pembelian bantuan serta menambah baik kedudukan fiskal kerajaan," katanya.

Rafizi berkata, mengikut pelan pelaksanaan dan garis masa yang ditetapkan untuk mengimbangi risiko inflasi yang bersifat spekulatif, kerajaan tidak mengumumkan bentuk dan kaedah penyaluran semula subsidi diesel dan petrol secara terperinci, buat masa ini.

"Bagaimanapun saya boleh memaklumkan kepada dewan bahawa beberapa kaedah utama yang dibincang dan dibentangkan sejak ini boleh dirangkum kepada tiga kaedah seperti yang saya sebutkan," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan subsidi secara bersasar akan mengukuhkan kedudukan fiskal negara untuk mencapai sasaran defisit dikurangkan kepada 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 2025.